

RON97 turun 2 sen, RON95, diesel kekal

Putrajaya: Harga runcit petrol RON97 turun dua sen daripada RM2.56 kepada RM2.54 seliter, manakala RON95 dan diesel masing-masing kekal RM2.08 dan RM2.18 seliter berkuat kuasa 12 tengah malam tadi.

Kementerian Kewangan menerusi kenyataan berkata, harga runcit produk petroleum itu bagi tempoh 3 hingga 9 Ogos adalah berdasarkan penepatan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik (APM).

"Berdasarkan pengiraan di bawah formula APM, harga runcit produk petrol RON95 dan diesel bagi tempoh sama masing-masing sepatutnya RM2.24 dan RM2.33 seliter.

"Ini menunjukkan penurunan dari minggu lalu bagi harga runcit petrol RON95 yang berada pada paras RM2.26 seliter dan kenaikan bagi harga runcit diesel yang berada pada paras RM2.31 seliter," kata kenyataan itu.

Namun, harga runcit bagi kedua-dua produk adalah dikekalkan masing-masing pada paras RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter selaras dengan keputusan Kerajaan untuk menstabilkan harga runcit bagi produk petroleum dan menjaga kesejahteraan ekonomi rakyat.



**Ini menunjukkan
penurunan dari
minggu lalu bagi harga
runcit petrol RON95
yang berada pada
paras RM2.26 seliter
dan kenaikan bagi
harga runcit diesel
yang berada pada
paras RM2.31 seliter.**

**Kenyataan Kementerian
Kewangan**